

Anugerah Kewartawanan Pendidikan UMS Jumaat ini

KOTA KINABALU: Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar, Datuk Masidi Manjun akan merasmikan Majlis Makan Malam Penyampaian Anugerah Kewartawanan Pendidikan Universiti Malaysia Sabah (UMS) pada 25 Jun ini di Pan-Pacific Sutera.

Dekan Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB) UMS, Prof. Madya Dr. Andreas Totu berkata, Naib Canselor UMS Brig. Jen. Prof. Datuk Seri Dr. Kamaruzaman Hj. Ampon akan mengiringi Masidi menyampaikan hadiah-hadiah kepada para pemenang tujuh kategori yang dipertandingkan.

"Anugerah ini merupakan kesinambungan penyampaian anugerah yang sama dua tahun berturut-turut sebelum ini bagi memberikan pengiktirafan terhadap sumbangan dan komitmen kalangan wartawan menonjolkan berita dan rencana berkaitan pembangunan pendidikan di Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan," kata Dr. Andreas yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pelaksana.

Menurut Dr. Andreas, setiap kategori dianugerahkan hadiah utama dan dua saguhati di mana hadiah utama menawarkan wang tunai RM2,000 sementara dua saguhati masing-masing menawarkan wang tunai RM500. Setiap penerima hadiah turut diberikan sijil.

Dr. Andreas menjelaskan, tujuh kategori yang dianugerahkan ialah media cetak melibatkan empat bahasa, media elektronik, fotografi dan Penulis UMS.

"Bagi kategori baru yang mula diperkenalkan tahun ini, anugerah Penulis UMS hanya melibatkan satu hadiah iaitu wang tunai RM1,000 bersama sijil," jelasnya.

Menurut beliau, dalam kategori media cetak, empat bahasa yang terlibat ialah Bahasa Inggeris, Bahasa Malaysia, Bahasa Mandarin dan Bahasa Kadazandusun.

Katanya, AKPUMS mula diperkenalkan pada tahun 2007 dan merupakan anjuran bersama UMS dengan Persatuan Wartawan Sabah (SJA).

Dr. Andreas memaklumkan jemputan untuk semua pihak yang terlibat sudah diedarkan dan meminta kepada mana-mana pihak yang mempunyai kemusykilan agar menghubungi Bahagian Perhubungan Korporat UMS melalui talian 320 000 samb. 1017 atau 1022.